

Pembelajaran dwi bahasa merosotkan penguasaan ilmu — Profesor

Oleh ZAIDI ZAKI

DEMONSTRASI menentang Program Dwi-Bahasa pada 26 Mac lalu adalah permulaan kepada tunjuk perasaan besar-besaran pada 9 Mac di Kuala Lumpur, membantah pembelajaran dan pengajaran beberapa mata pelajaran dalam bahasa Inggeris.

Salah seorang ahli akademik yang berucap dalam himpunan di hadapan stesen LRT Masjid Jamek itu, Prof Datuk Ir Dr Wan Ramli Wan Daud berkata, dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) pada 2003 lalu adalah contoh buruk yang menyaksikan pelajar gagal menguasai bahasa Ingge-

ris dan ilmu pengetahuan sekali gus.

"Pengalaman saya di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (di UKM) mendapati bukan sedikit pelajar kita mengalami krisis penguasaan ilmu.

"Mereka yang melalui PPSMI, ramai yang Sains tidak pandai, bahasa Inggeris pun ke laut — tak pandai. Mereka tak tahu konsep sains sama ada dalam bahasa Melayu apa lagi dalam bahasa Inggeris. Ini amat merugikan anak bangsa kita," ujarnya.

Bekas guru Abidi Abdul Manan yang kini menjadi tenaga pengajar di Unisel pula berkata, semasa beliau menjadi guru seko-

lah dan mengajar subjek dalam PPSMI, banyak pelajar yang mengadu supaya teks pembelajaran diterjemahkan di dalam bahasa Melayu.

"Buku teks bahasa Inggeris, tetapi soalan di dalam dwibahasa, macam mana pelajar hendak menjawab soalan jika teks berbahasa Inggeris tidak faham.

"Kawan saya seorang guru yang pandai dan cekap mengajar Matematik untuk tingkatan tiga pula terpaksa mengajar tingkatan satu kerana tidak mahir untuk mengajar subjek itu didalam bahasa Inggeris," katanya.

Sementara itu, ahli parlimen Batu, Tian Chua berkata, banyak lagi cara

lain untuk meningkatkan pencapaian murid-murid dalam bahasa Inggeris selain melaksanakan DLP.

"Saya tidak mahu generasi sekarang ini menjadi tikus makmal kepada beberapa orang ahli politik dan kroni-kroninya yang mana setiap kali mereka hendak mengaut keuntungan mereka dengan cara mengubah dasar pendidikan," katanya.

Demonstrasi yang bermula pada jam 2.00 petang itu menghimpunkan beberapa tokoh akademik seperti profesor, Sasterawan Negara Baha Zain, bekas Timbalan Pengarah Pendidikan Malaysia, Datuk Abdul Raof Hussin dan banyak lagi.

